

JABATAN KORPORAT
TARIKH: 19.06.2025 MASA: 05.30PM
MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**KURSUS PENGUKUHAN REKA BENTUK SEJAGAT
(MS1184:2014) DAN INOVASI SISTEM PENGUMPULAN
DAN PENGGUNAAN SEMULA AIR HUJAN (SPAH)**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**24 JUN 2025 (SELASA)
8.00 PAGI**

**AUDITORIUM, MENARA BANDARAYA, MBSP
SEBERANG PERAI TENGAH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita diberi kesempatan untuk berkumpul pada pagi yang penuh makna ini bagi menjayakan **Kursus Pengukuhan Reka Bentuk Sejagat (MS1184:2014) dan Inovasi Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH)** yang julung kali diadakan di Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) atas kepercayaan dan kesudian untuk berkolaborasi dengan MBSP dalam menganjurkan kursus yang amat signifikan ini. Ini merupakan suatu pengiktirafan dan dorongan kepada kami di pihak MBSP untuk terus komited dalam memperkasa agenda pembangunan yang inklusif, lestari dan responsif terhadap keperluan rakyat.
3. Kursus intensif selama tiga (3) hari ini menghimpunkan seramai 60 orang peserta yang terdiri daripada wakil-wakil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari seluruh Malaysia, JKT, KPKT serta barisan penceramah berwibawa mewakili pelbagai agensi yang berpengalaman dan berautoriti dalam bidang masing-masing. MBSP

berasa amat berbesar hati kerana turut diberi ruang untuk menyumbang secara langsung melalui dua (2) sesi perkongsian berkaitan inisiatif Reka Bentuk Sejagat serta pelaksanaan sistem SPAH yang kini sedang diterapkan secara meluas di Seberang Perai.

4. Pada 3 Disember 2024 yang lalu, MBSP telah dianugerahkan sebagai Majlis Bandaraya Prihatin sempena Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Kebangsaan, satu pengiktirafan tertinggi dalam sektor kerajaan tempatan yang menzahirkan komitmen kami terhadap penyediaan kemudahan yang lebih mesra dan inklusif untuk semua lapisan masyarakat.
5. Pelaksanaan Reka Bentuk Sejagat oleh MBSP adalah selaras dengan kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 Seksyen 34A dan piawaian MS1184:2014. Sejak tahun 2018, MBSP telah menggubal Garis Panduan Reka Bentuk Sejagat dan pada tahun 2024, kami menubuhkan Jawatankuasa Universal Design bagi memperkuuh dasar serta amalan pelaksanaan kemudahan sejagat di peringkat bandaraya.
6. Jawatankuasa ini memainkan peranan penting dalam merancang, menggubal dasar dan memantau pelaksanaan inisiatif pembangunan yang dapat memenuhi keperluan akses sejagat termasuk kanak-kanak, warga emas dan komuniti OKU sejajar dengan prinsip “*no one left behind*”.

7. Praktis audit aksesibiliti telah dilaksanakan sejak tahun 2021 oleh Jabatan Bangunan ke atas aset-aset utama MBSP, termasuk 23 buah Kompleks Makanan dan Penjaja serta 15 pasar awam, bagi memastikan ia kekal mesra OKU dan relevan dengan perkembangan semasa.
8. MBSP turut menampilkan pelbagai inisiatif mesra OKU seperti penyediaan kaunter khas, tandas dan “*ramp*” akses di premis MBSP, pelekat parkir percuma melalui sistem dalam talian, kemudahan rekreasi percuma kepada golongan OKU serta kolaborasi dengan pelbagai agensi bagi mempromosi pendidikan dan kesedaran terhadap reka bentuk inklusif.
9. Seiring dengan tema pembangunan mampan dan adaptasi perubahan iklim, MBSP turut menampilkan inisiatif Inovasi Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH) sebagai sebahagian daripada penyelesaian lestari dalam pengurusan sumber air. Usaha ini bukan sahaja menjimatkan kos dan tenaga, tetapi turut menyumbang kepada kelestarian ekosistem bandar, terutamanya dalam menghadapi fenomena iklim yang tidak menentu masa kini.
10. MBSP percaya bahawa kursus seperti ini adalah medan terbaik untuk pertukaran ilmu, amalan terbaik (“*best practices*”) serta membina jaringan profesional antara agensi dan PBT dalam memperkasa pembangunan yang lebih inklusif, pintar dan lestari.

11. Saya berharap agar semua peserta akan mengambil manfaat sepenuhnya daripada sesi-sesi kursus yang telah disusun rapi, termasuk ceramah, diskusi dan sesi lawatan teknikal ke beberapa lokasi yang telah dikenal pasti pada 26 Jun nanti. Semoga ilmu dan inspirasi yang diperoleh sepanjang kursus ini dapat diadaptasi dan dilaksanakan di agensi dan PBT masing-masing.
12. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan kursus ini, serta semua urus setia dan penyumbang idea yang menjadikan kursus ini satu realiti.
13. MBSP juga amat berbesar hati untuk menyantuni para peserta dengan jamuan minum petang Mee Udang istimewa Seberang Perai pada sesi lawatan nanti sebagai tanda mesra dan ikhlas daripada kami buat semua tetamu yang dihormati.
14. Dengan lafaz ***Bismillahir Rahmanir Rahim***, saya dengan ini merasmikan **Kursus Pengukuhan Reka Bentuk Sejagat (MS1184:2014)** dan **Inovasi Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan Tahun 2025**.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***